

**1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang “World Archery Federation” WAF dan peraturan Am MSSM yang berkuatkuasa sekarang.

**2. JENIS PERTANDINGAN**

- 2.1 Pertandingan dijalankan secara “Single FITA” (1 jarak) selama 3 hari termasuk hari latihan rasmi.
- 2.2 Latihan rasmi akan dijalankan sehari sebelum pertandingan.
- 2.3 Latihan rasmi juga akan dijalankan sebelum jarak sesi pagi selama 30 minit.
- 2.4 Individu lelaki dan individu wanita
  - 2.4.1 Jarak 50 meter
- 2.5 Pusingan Olimpik Individu (Lelaki & Wanita)
  - 2.5.1 Jarak 50 meter
- 2.6 Pusingan Olimpik Berpasukan (Lelaki & Wanita)
  - 2.6.1 Jarak 50 meter

**3. PENDAFTARAN PESERTA DAN PEMBENTUKAN PASUKAN**

- 3.1 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu pasukan lelaki dan satu pasukan wanita bagi setiap kategori.
- 3.2 Pasukan lelaki :

Pengurus pasukan	:	1 orang
Jurulatih	:	1 orang
Peserta	:	2 orang

  
Pasukan Wanita :

Jurulatih	:	1 orang
Peserta	:	2 orang

  

Hakim	:	1 orang
-------	---	---------
- 3.3 Acara perseorangan  
Setiap pasukan hanya dibenarkan menghantar 2 peserta lelaki dan 2 peserta wanita dalam setiap kategori lelaki dan wanita.
- 3.4 Acara perseorangan
  - 3.4.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan menghantar 2 peserta lelaki dan 2 peserta wanita dalam setiap kategori
  - 3.4.2 Jumlah mata tertinggi bagi 4 peserta adalah dikira pemenang.

- 3.4.3 Pasukan yang menghantar sekurang-kurangnya 3 peserta untuk menyertai acara berpasukan. Pasukan yang menghantar kurang daripada 3 peserta tidak layak menyertai acara berpasukan.

#### **4. PENDAFTARAN**

Pendaftaran peserta melalui borang pendaftaran yang lengkap dengan butiran peserta, salinan kad pengenalan dan salinan slip gaji yang telah disahkan. Pendaftaran lewat tidak akan diterima.

#### **5. SISTEM PERTANDINGAN**

- 5.1 Pertandingan Single FITA – dimana semua peserta diwajibkan memanah sebanyak 36 batang anak panah pada jarak yang telah ditetapkan. Peserta dan pasukan yang memperolehi mata tertinggi akan dikira pemenang.
- 5.2 Mana-mana peserta yang menarik diri setelah jarak dipertandingkan, maka semua keputusan peserta terdahulu tersebut akan terbatal.
- 5.3 Sekiranya sesebuah pasukan itu terdiri daripada 3 peserta dan seorang menarik diri dari meneruskan pertandingan, maka markah untuk pasukan tersebut dibatalkan dan dua peserta daripada pasukan itu hanya layak menyertai acara individu sahaja.
- 5.4 Pusingan Olimpik individu dan berpasukan dijalankan secara kalah mati.

#### **6. GELANGGANG DAN PERALATAN**

Rujuk undang-undang World Archery Federation (WAF) Article 11

#### **7. KELENGKAPAN**

- 7.1 Kelengkapan adalah merujuk kepada Undang-Undang World Archery Federation article 12.
- 7.2 Jarak 50 meter menggunakan target face berukuran 122 cm.

#### **8. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

Taklimat akan diadakan sebelum pertandingan iaitu sebelum acara latihan rasmi dijalankan. Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang pertukaran peserta tidak akan dibenarkan.

#### **9. MASA MELAPORKAN DIRI**

Setiap peserta dikehendaki melapor diri kepada Hakim Kejohanan untuk pemeriksaan peralatan pada hari latihan rasmi dijalankan.

#### **10. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH.**

Rujuk Undang-Undang World Archery Federation (WAF)

#### **11. BANTAHAN**

- 11.1 Sila rujuk Undang-Undang WAF
- 11.2 Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja yang dibenarkan membuat bantahan dalam semakan markah peserta.

11.3 Bantahan lain hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengurus Kejohanan dalam masa 30 minit selepas pertandingan tamat. Berpandukan Undang-Undang WAF article 150.

11.4 Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamad.

**12. JURI RAYUAN**

Sila rujuk Peraturan AM 13 Majlis Sukan Sekolah Malaysia.

**13 PENGADIL (HAKIM DAN PEGAWAI KEJOHANAN)**

13.1 1 Hakim mewakili setiap MSKPP Daerah

13.2 Pegawai pertandingan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Majlis Sukan Johor.

**14. HADIAH / PINGAT KEJOHANAN**

Kejohanan ini akan menyediakan pingat-pingat setiap kategori seperti :-

14.1 Keseluruhan Individu (Lelaki dan Wanita)  
(Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.)

14.2 Keseluruhan Berpasukan (Lelaki dan Wanita)  
(Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.)

14.3 Pusingan Olimpik Individu (Lelaki dan Wanita)  
(Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.)

14.4 Pusingan Olimpik Berpasukan (Lelaki dan Wanita)  
(Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.)

**15. PENTAKSIRAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN**

Jawatankuasa pengelola berhak membuat taksiran segala perkara yang tidak disiarkan di dalam undang-undang peraturan-peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat Hakim adalah muktamad.